

G77 sukar capai kata sepakat

SEPANG, Khamis – Proses membuat dasar kumpulan 77 negara membangun (G77) sukar kerana sebarang keputusannya perlu dicapai secara kata sepakat oleh semua 130 negara anggota, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun sebaik-baiknya semua pemimpin perlu terbabit, beliau tidak nampak bagai-

mana ia dapat dilaksanakan. "Dalam G77, semuanya mesti dilakukan berdasarkan kata sepakat oleh 130 ketua kerajaan. Jelas sekali ia sukar.

"Kita tidak ada halangan jika mereka mahu tetapi saya fikir secara praktikalnya ia tidak akan berhasil." katanva mengenai kehadiran pemimpin G77 yang kurang memuaskan pada pertemuan mereka di

New York kelmarin.

Dr Mahathir berkata, berbanding kumpulan negara maju (G8), mesyuarat G77 lebih sukar dijalankan kerana bilangan negara anggotanya lebih besar.

Satu-satunya kesempatan apabila G77 dapat mengemukakan pandangannya kepada G8 ialah selepas sidang kemuncak pertama G-77 di Havana, Cuba pada April tahun ini.